

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN :** **BUKAN LISAN**

**DARIPADA :** **YB DATUK DR. HASAN BIN BAHROM  
[ TAMPIN ]**

**SOALAN :**

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah-langkah Kementerian bagi mengelakkan kesesakan di tempat-tempat pelancongan utama di Malaysia akibat dibanjiri pelancong tempatan mahupun luar negara terutamanya semasa cuti umum atau cuti persekolahan sehingga menyebabkan kesesakan lalu lintas.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sedia maklum dengan situasi kesesakan atau kebanjiran pelancong di destinasi-destinasi pelancongan utama seperti Langkawi, Georgetown, Port Dickson, Melaka, Kota Bharu dan Johor Bahru terutamanya pada masa cuti sekolah dan cuti umum.

Antara usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian adalah mengenalpasti dan mempromosi destinasi-destinasi baru yang berpotensi untuk menarik minat pelancong menerusi inisiatif-inisiatif berikut:

1. Mengenalpasti 60 kluster ekopelancongan di seluruh negara yang berpotensi untuk dimajukan sebagai destinasi ekopelancongan terkemuka dunia melalui Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2016-2025. Pelbagai produk pelancongan telah dikenalpasti di setiap kluster ini yang mempunyai potensi untuk dibangunkan;
2. Mencalonkan lebih banyak tapak warisan yang berpotensi untuk diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia (*World Heritage Site*)

UNESCO seperti Taman Botani FRIM Selangor, Permatang Kuarza, Gombak dan Taman Negeri Royal Belum, Perak;

3. Mewartakan objek-objek warisan seperti Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur dan Masjid Ubudiah, Kuala Kangsar di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) untuk tujuan pemuliharaan, pemeliharaan dan perlindungan;
4. Menawarkan bantuan dalam bentuk pinjaman (*soft loan*) kepada pengusaha pelancongan dan agensi pengembaraan pelancongan yang berhasrat mengembangkan perniagaan sedia ada iaitu melalui Tabung Khas Pelancongan (TKP). Tujuan tabung tersebut adalah bagi membantu para pengusaha yang ingin membangunkan atau mengembangkan produk-produk pelancongan seperti premis penginapan pelancongan, kemudahan-kemudahan dan lain-lain projek yang berkaitan serta diklasifikasikan sebagai pelancongan; dan
5. Mengeluarkan Sijil Pendaftaran Projek Pelancongan (SPPP) kepada pengusaha-pengusaha pelancongan berkelayakan yang melabur dalam sektor pelancongan bagi membolehkan mereka memohon insentif pengecualian cukai daripada *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA).

Kementerian melalui Tourism Malaysia mengeluarkan kalender pelancongan yang menyenaraikan acara-acara pelancongan utama sepanjang tahun. Acara-acara yang dianjurkan pada musim bukan puncak bertujuan untuk menggalakkan pelancong mengunjung ke negara sepanjang tahun, meningkatkan kadar penginapan hotel di musim bukan puncak, menambahkan perbelanjaan pelancong di destinasi dan menggalakkan pelancong menginap lebih lama.

Sekian, terima kasih.